

AAB

Mahathir - Demokrasi

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri membidas kumpulan-kumpulan pendesak tertentu di negara ini yang menggunakan alasan demokrasi untuk menghasut dan menghalang hak rakyat membuat pilihan.

+Demokrasi bagi kita ialah hak bagi rakyat menentukan siapa yang dipilih untuk memerintah atau menjadi kerajaan, yang akan mengurus dan mentadbir supaya majoriti rakyat hidup bebas daripada tekanan,+ tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO, di sini hari ini.

Beliau berkata, kesalahan dan penindasan bukan sahaja boleh dilakukan oleh kerajaan tetapi kumpulan-kumpulan lain dalam masyarakat demokratik boleh melakukan kezaliman dengan apa juga pengaruh dan kuasa yang ada pada mereka.

Sambil menamakan Majlis Peguam sebagai salah sebuah kumpulan itu, beliau berkata, +serangan+ badan itu terhadap mahkamah dengan memohon supaya Ketua Hakim Negara dipenjarakan membuktikan bahawa kebebasan mahkamah sebenarnya diganggu oleh Majlis Peguam dan bukannya kerajaan.

Perdana Menteri berkata, peguam yang terlibat dalam kes itu telah didapati bersalah kerana menghina mahkamah dan didenda hanya \$5,000, sebaliknya jika Ketua Hakim Negara didapati bersalah kerana menghina mahkamah, beliau akan menerima hukuma berat, iaitu hilang jawatan. -- lagi

♥30/11/11-37MST

CNS3898

R PB 30-11 00178 BH492

AAB

Mahathir - Demokrasi 2 Kuala Lumpur

+Kita menghormati mahkamah, tetapi apakah percubaan memasukkan hakim ke dalam penjara, terutamanya hakim yang tertinggi sekali merupakan penghormatan Majlis Peguam?,+ tanya Datuk Seri Dr Mahathir.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, perkembangan itu jelas menunjukkan betapa badan bukan kerajaan boleh menindas masyarakat dan menutup mulut pengkritik mereka dengan mengugut untuk mengambil tindakan mahkamah.

Pada pilihan raya lepas pula, sebuah kesatuan sekerja telah diperalatkan oleh sekumpulan ahli politik untuk kepentingan diri mereka sendiri, walaupun kesatuan sekerja sebenarnya dibenarkan berfungsi untuk melindungi hak-hak pekerja dan bukan untuk berpolitik, katanya.

Terdapat ahli politik yang mendakwa kepentingan pekerja lebih terpelihara jika pemimpin pekerja bergiat dalam politik, tetapi pengalaman di negara luar menunjukkan nasib pekerja menjadi lebih buruk walaupun pemimpin mereka berjaya menubuhkan kerajaan, katanya.

Peranan kesatuan sekerja perlu difikirkan semula kerana ia bermula akibat penindasan majikan ke atas pekerja pada zaman permulaan revolusi industri lebih dari 200 tahun lepas, sedangkan sekarang para pekerja dilindungi oleh undang-undang dan kerajaan, tambah beliau. -- lagi

♥30/11/12-11MST

CNS3900

R PB 30-11 00186 BH493

AAB

Mahathir - Demokrasi 3 Kuala Lumpur

Beliau mengingatkan pekerja supaya tidak memilih untuk mengambil tindakan perusahaan dalam tuntutan mereka kerana ini hanya akan menjejaskan peluang negara menarik lebih banyak pelabur ke negara ini.

+Menyelesaikan masalah tuntutan pekerja melalui konfrantasi, ugutan akan menutup kilang, dan mogok, samalah dengan menyelesaikan masalah antara dua pihak dengan cara bertinju untuk menentukan siapa menang,+ kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, jika sekali-sekala tindakan kerajaan dilihat sebagai tidak suka kepada tindakan perusahaan, sebabnya bukanlah kerana kerajaan anti pekerja tetapi kerana kerajaan pro-pekerja.

+Kerajaan mahukan pendapatan pekerja dan daya pembelian mereka meningkat, dengan pendapatan yang lebih, pekerja akan dapat membeli lebih banyak barang-barang, dan ini akan menolong kemajuan pasaran, yang akan menolong lagi industri-industri lain,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, dakwaan kononnya kerajaan anti-pekerja dalam sesetengah tindak-tanduknya adalah tidak benar kerana apa juga teguran ialah untuk kebaikan bersama.

Beliau mengingatkan pekerja supaya tidak terpedaya dengan tipu helah pihak Barat yang kelihatan seakan-akan bersimpati dengan mereka kerana tindakan itu bertujuan untuk menghapuskan persaingan syarikat-syarikat di negara mereka dengan syarikat-syarikat di negara ini. -- Bernama